

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

## Tamatkan khidmat doktor pakar ganggu 38 doktor pelatih diperkenan Agong Ketua jabatan gatal diberhenti

**KUALA LUMPUR** - Seorang doktor pakar yang juga merupakan ketua jabatan sebuah hospital di Lembah Klang telah ditamatkan perkhidmatannya pada Rabu lepas berhubung dakwaan salah laku seksual.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dalam kenyataan semalam berkata, Yang di-Pertuan Agong sudah memperkenankan untuk menamatkan perkhidmatan doktor pakar terbabit berkuat kuasa 14 Novem-

ber, manakala surat penamatan perkhidmatan disampaikan kepada doktor berkenaan kelmarin.

"Jawatankuasa Siasatan Khas sudah selesai menjalankan siasatan pada 23 Oktober lalu. Laporan lengkap siasatan jawatankuasa itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 24 Oktober sebelum Jabatan



DZULKEFLY

Perkhidmatan Awam (JPA) mengadakan perbincangan dengan Pejabat Peguam Negara.

"Keputusan daripada hasil perbincangan antara JPA dan Jabatan Peguam Negara diangkat untuk mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat daripada Pejabat Perdana Menteri," kata beliau.

KKM disyar hukum pegawai hospital buat gangguan seksual terhadap doktor pelatih  
**Ketua jabatan 'gatal' digantung**



KERATAN Kosmo 11 September 2018.

Pada 24 September lepas, Jawatankuasa Siasatan Khas telah ditubuhkan bagi melengkapkan maklumat siasatan awal oleh Badan Siasatan Bebas berhubung dakwaan salah laku seksual oleh seorang ketua jabatan di sebuah hospital awam di

Lembah Klang. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sebelum ini turut menggantung tugas Ketua Jabatan Ortopedik itu selama dua bulan bermula 17 September lepas bagi membolehkan siasatan dijalankan oleh pihak yang berkenaan

termasuk Kementerian Kesihatan.

Badan siasatan bebas itu dianggotai pegawai tertinggi Kementerian Kesihatan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan sebanyak 38 Pegawai Perubatan Siswazah yang didakwa menjadi seorang ketua jabatan di sebuah hospital di Lembah Klang itu tampil membuat laporan kepada badan siasatan bebas berhubung kejadian itu.